

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

PASTIKAN IBU BAPA ATAU PENJAGA BERTANGGUNGJAWAB ATAS KECUAIAN
MENDEDAHKAN KANAK-KANAK KEPADA KEMALANGAN MAUT ATAU
KECEDERAAN DI JALAN RAYA

KUALA LUMPUR (17 OGOS 2024) - Dr Farah Nini Dusuki, Pesuruhjaya Kanak-Kanak (CC) di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia berasa dukacita atas tragedi kemalangan jalan raya baru-baru ini melibatkan penunggang motosikal bawah umur. Dalam satu insiden, seorang kanak-kanak berumur 12 tahun menunggang sebuah motosikal roda tiga jenis telah menyebabkan kematian seorang bayi berusia 13 bulan di Kubang Kerian. Dalam satu insiden lain, dua kanak-kanak lelaki berumur 13 tahun maut selepas bertembung antara satu sama lain ketika melakukan aksi menunggang motosikal secara berbahaya di Elmina.

Laporan menyatakan bahawa bagi kes pertama, cukai jalan dan insurans motosikal beroda tiga tersebut telah tamat tempoh. Bagi kes kedua, kejadian berlaku pada jam 11.20 malam ketika dua remaja terbabit melakukan aksi 'wheelies'. Kedua-dua insiden ini jelas menunjukkan kegagalan ibu bapa atau penjaga dalam memantau aktiviti anak mereka terutamanya pada waktu malam.

Menurut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, ibu bapa atau penjaga yang mengabaikan anak mereka atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya anak mereka mengalami kecederaan fizikal atau yang membenarkan anak mereka terabai, boleh, sekiranya disabitkan kesalahan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun, atau kedua-duanya.

Tambahan pula, di bawah Seksyen 39(5) Akta Pengangkutan Jalan 1987, ibu bapa atau penjaga yang menyebabkan atau membenarkan anak mereka yang berusia di bawah 16 tahun memandu, suatu kenderaan motor, sekiranya didapati bersalah, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya.

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman, jumlah kemalangan maut dan kecederaan di jalan raya dalam kalangan kanak-kanak yang menjadi mangsa kemalangan motosikal meningkat pada tahun 2023 berbanding 2022, khususnya pada julat umur kanak-kanak di antara 6 hingga 10 tahun, dengan kes meningkat daripada 97 kepada 111. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dilaporkan sedang mendraf satu undang-undang baru berkaitan pembelian motosikal oleh penunggang tidak berlesen. Oleh itu, CC menyeru supaya draf undang-undang tersebut disiapkan dengan segera untuk pembentangan di Dewan Rakyat.

Pada 2019, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyarankan pelaksanaan satu kategori lesen baru yang dirujuk sebagai 'B3' kepada MOT dan JPJ, yang mana akan menghadkan individu berusia 16 hingga 20 tahun untuk hanya menggunakan motosikal elektrik dan motosikal 'moped' berkuasa rendah tidak melebihi 70cc. Saranan tersebut telah dipertimbangkan, dan pada 2021, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah menyokong suatu cadangan untuk mengkaji idea tersebut. Walau bagaimanapun, status penyelidikan tersebut masih tidak diketahui hingga kini. Justeru, CC menggesa MIROS supaya memaklumkan dengan jelas berhubung perkembangan kajian tersebut.



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

CC dengan tegas mengulangi pendirian beliau bahawa ibu bapa dan penjaga yang cuai hendaklah dipertanggungjawabkan atas kegagalan mereka dalam memenuhi peranan mereka sebagai penjaga kanak-kanak. Kematian kanak-kanak yang terbabit bukanlah hanya sekadar suatu kemalangan atau takdir yang tersurat, kerana ia boleh dielakkan sekiranya ibu bapa dan penjaga melaksanakan pemantauan sewajarnya.

-TAMAT-

**Dr Farah Nini Dusuki
Pesuruhjaya Kanak-Kanak
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
17 Ogos 2024**